

03/12/1997

Lima jana industri udara, maritim

LANGKAWI, Selasa - Industri maritim dan udara di Asia Pasifik dijangka tidak mengalami kelembapan, sebaliknya lebih menarik bagi pengeluaran bermutu tinggi pada harga yang rendah walaupun rantau ini menghadapi kegawatan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri ketika merasmikan pameran keempat Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) di sini berkata, keperluan pesawat dan kapal perdagangan serta ketenteraan menjadikan Asia Pasifik sebagai daya tarikan untuk memajukan industri itu.

"Sejak Lima '91, banyak negara Asia Tenggara termasuk Malaysia muncul sebagai pengeluar pesawat ringan dan pelbagai komponen pesawat perdagangan besar.

"Kejatuhan nilai mata wang bakal menjadikan wilayah ini lebih menarik bagi pengeluaran komponen bermutu tinggi pada harga rendah terutama barangan komposit berasaskan guna tenaga intensif.

"Ia jelas tidak akan melembapkan industri itu, sebaliknya menjana industri aeroangkasa dan maritim," katanya.

Dr Mahathir berkata, permintaan terhadap pesawat di Asia Pasifik menjelang tahun 2014 diramal 25 peratus atau RM1,400 bilion daripada keperluan pesawat dunia.

Anggaran itu bakal memberi peluang besar kepada pengeluar pesawat utama dan berikutan itu tidak menghairankan apabila sejak akhir-akhir ini pengeluar terbabit menumpukan usaha pemasaran di wilayah berkenaan.

"Sesetengah negara Asia Pasifik sedang giat menjalin usaha sama bagi mengeluarkan jet dan pesawat perdagangan.

"Justeru, tidak syak lagi industri aeroangkasa di dunia sebelah sini akan mengalami pertumbuhan pada kadar yang sama sebelum Julai 1997 (permulaan kegawatan mata wang Asia Tenggara)," katanya.

Bagi negara ini, Perdana Menteri berkata walaupun kegawatan mata wang menyebabkan kuasa membeli menurun, ramai yakin bahawa ia adalah sementara kerana Malaysia memiliki fundamental yang kukuh.

"Rakan dagangan kita mempunyai kepentingan terhadap pemulihan Malaysia dan rantau ini kerana kita membeli banyak barangan termasuk pesawat dan kapal bagi memenuhi keperluan.

"Berikutan itu, kejatuhan nilai mata wang menjadikan kita lebih kompetitif dan menjangka pendapatan akan meningkat dengan lebih imbalan pembayaran.

"Walau apapun, keupayaan berbelanja akan kembali semula dan terus tumbuh," katanya.

(END)